



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JK (02) 44 Jld. 6

Tarikh : 15 April 2014

Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia

Ketua-Ketua Bahagian
Istana Kehakiman

Setiausaha kepada
YAA Ketua Hakim Negara

Setiausaha kepada
YAA Presiden Mahkamah Rayuan

Setiausaha kepada
YAA Hakim Besar Malaya

Setiausaha kepada
YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak

Setiausaha kepada
YA-YA Hakim Mahkamah Persekutuan

Setiausaha kepada
YA-YA Hakim Mahkamah Rayuan

Setiausaha kepada
YA-YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMATUHAN TERHADAP ARAHAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM YANG
DIBEKALKAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990 (selepas daripada ini dirujuk sebagai "pekeliling tersebut") telah menetapkan peraturan berhubung dengan peruntukan pembekalan pakaian seragam kepada kakitangan bagi beberapa jawatan di dalam Perkhidmatan Awam Am.
3. Perenggan 2.1(a) pekeliling tersebut antara lain menyatakan bahawa peruntukan pakaian seragam tersebut adalah bertujuan lambangkuasa atas tugas jawatan yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, memasuki kawasan, bangunan dan rumah-rumah untuk tujuan pemeriksaan dan tujuan pengenalan diri pegawai kepada orang yang terlibat semasa menjalankan tugas mereka.
4. Perenggan 2.1(a) juga menghendaki bahawa kakitangan yang dibekalkan dengan pakaian seragam memakai pakaian seragam sepanjang waktu pejabat.
5. Perenggan 3 pekeliling tersebut pula menggariskan reka bentuk dan menetapkan warna pakaian seragam yang dibekalkan.
6. Manakala, Surat Pekeliling Bil. 5 Tahun 1995 pula memperuntukkan bilangan pakaian yang perlu dibekalkan kepada kakitangan yang dikehendaki memakai pakaian seragam.
7. Sehubungan dengan pembelian pakaian seragam tersebut, di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP), jawatan yang dibekalkan pakaian seragam adalah **Pembantu Operasi/Odeli, Pemandu Kenderaan Bermotor** (pemandu Jabatan dan pemandu Hakim) dan **Polis Bantuan**.
8. Namun demikian adalah didapati sebahagian besar daripada kakitangan yang telah dibekalkan dengan pakaian seragam di Istana Kehakiman dan di Mahkamah di bawah pentadbiran dan penyeliaan YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan telah tidak mematuhi arahan pemakaian seragam semasa bekerja.
9. Oleh yang demikian, semua warga PKPMP yang dibekalkan dengan pakaian seragam ini hendaklah memberi perhatian serius dan **WAJIB** mematuhi **arahan-arahan yang telah digariskan** dalam pekeliling-pekeliling yang dinyatakan tersebut. Ini kerana **kegagalan** dalam mematuhi peraturan-peraturan ini, boleh menyebabkan penjawat awam PKPMP yang berkaitan **diambil tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**.
10. Justeru itu, YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk memastikan bahawa kakitangan yang dibekalkan dengan pakaian seragam di bawah seliaan YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan memakai pakaian seragam yang dibekalkan kepada mereka.

11. Arahan penguatkuasaan sepenuhnya pemakaian pakaian seragam ini hendaklah dikuatkuasakan **serta merta**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(AZIMAH BINTI OMAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k. Timbalan Ketua Pendaftar
Pendaftar Mahkamah Rayuan
Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya

HAK MILIK PERPUSTAKAAN PKPMP